

Dalam Negeri

Lambaian Ka.

Kos korban di Mekah naik

**MOHD
TURMADZI
MADUN**

Melaporkan dari
Mekah

MEKAH: Bayaran untuk menukar kos korban di Tanah Suci bagi musim haji kali ini dilaporkan meningkat sehingga RM90 atau 73 riyal.

Pengarah Operasi Kewangan Tabung Haji (TH), Shamsul Bahar Shamsudin berkata, sebagai contoh, bayaran bagi seekor kibas ditetapkan pada kadar RM900 (733 riyal) berbanding RM810 (660 riyal) pada tahun lepas iaitu meningkat RM90.

Menurut beliau, TH menjangkakan menerima sehingga 10,000 penyertaan korban di Tanah Suci daripada jemaah haji dan orang ramai yang hanya dilakukan pada hari tasyriq ketika sambutan Aidiladha.

"Setakat ini kita telah merekodkan sebanyak 6,500 penyertaan yang dibuat menerusi aplikasi Thijari dan kaunter TH bagi mereka yang berada di Malaysia," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.



SHAMSUL Bahar Shamsudin (berdiri) memerhatikan petugas TH melayani jemaah yang ingin berurus di kaunter Bank Islam di Abraj Al-Janadriyah di Mekah.

Jelasnya, penyertaan mula dibuka pertengahan Mei sebelum ditutup pada 24 Jun ini.

"Korban dilakukan dengan kerjasama Islamic Development Bank Arab Saudi di mana mereka mengaturkan proses sembelihan dan agihan daging di 25 buah negara lain seperti Jordan, Palestin, Syria, Iraq, Bangladesh, Senegal dan Azerbaijan."

"TH akan mengadakan lawatan ke pusat penyembelihan di

Mina lebih awal sebelum hari tasyriq dan bekalan haiwan diperoleh dari merata tempat. Bekalan dijamin mencukupi," katanya.

Katanya, jemaah haji boleh membayar dam sekiranya melakukan haji tamatuk dan qiran menggunakan Thijari. Kadar dam ditetapkan RM725 (591 riyal) untuk seekor kibas.

Tambahnya, TH menggunakan pembayaran menerusi payWave jika hendak membeli-belah," katanya.

Thijari seiring dengan teknologi selain memenuhi peraturan Arab Saudi manakala ambilan tunai hanya boleh dilakukan di kaunter di Malaysia.

"Kita juga bekerjasama dengan Bank Islam bagi memudahkan jemaah menggunakan mesin pengeluaran wang automatik di sini. Jemaah dinasihatkan membuat pembayaran menerusi payWave jika hendak membeli-belah," katanya.